

Dr Mahathir Yakin Kecekapan Pengurusan FGVH Mampu Beri Pulangan Yang Lebih Baik
Bernamea
28 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamed berkeyakinan bahawa pengurusan Felda Global Venture Holdings (FGVH) akan dapat memberi pulangan yang lebih baik kepada peneroka berbanding sebelum ini.

Beliau berkata penyenaian FGVH yang mencatatkan premium 84 sen kepada RM5.39, berbanding harga tawaran awam permulaan RM4.55 pada hari pertama dagangannya, membuktikan yang saham syarikat itu berpotensi untuk terus meningkat dan memberi keuntungan kepada pemegang saham.

"Perkara seterusnya ialah untuk menguruskannya dengan baik...kalau pengurusan itu cekap, kita akan lihat peneroka Felda akan dapat pulangan yang lebih baik," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap-tama pada seminar "Politik dan Perniagaan - Kaitan Malaysia" di sini Khamis.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676519>